

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
SOALAN : NO. 528

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan berapakah jumlah peminjam PTPTN yang telah disenarai hitamkan sehingga suku pertama 2017 serta sejauh manakah program 'Boleh Bincang' telah membantu para peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga suku kedua tahun 2017, seramai 778,685 orang peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah disenarai hitam melalui Jabatan Imigresen Malaysia bagi menghalang mereka ke luar negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 384,538 orang peminjam telah tampil berunding dan membuat bayaran balik dan dikeluarkan dari senarai hitam.

Program 'Boleh Bincang' yang telah dilancarkan oleh PTPTN pada 23 Mac 2017 adalah satu program yang dikhususkan kepada peminjam PTPTN yang menghadapi kekangan membuat bayaran balik pinjaman. Program ini membantu peminjam mencari penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi dengan menyediakan pelbagai kaedah penyelesaian antaranya:

- (a) membenarkan penangguhan sehingga 24 bulan terhadap peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan;
- (b) membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pinjaman mereka berdasarkan kemampuan sehingga umur 60 tahun; dan
- (c) peminjam digalakkan menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sekiranya mempunyai masalah pengurusan kewangan dan keberhutangan yang serius.

PTPTN sentiasa mengalu-alukan mana-mana peminjam yang mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik agar tampil berunding bagi menyelesaikan masalah mereka. Rundingan boleh dibuat dengan mudah melalui panggilan telefon ke talian *Careline* PTPTN, manakala bayaran boleh dibuat secara *online*, selain hadir ke mana-mana cawangan PTPTN di seluruh negara.

RT37/529

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : DATUK KOH NAI KWONG
DARIPADA [ALOR GAJAH]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- (a) apakah statistik murid yang menerima Bantuan Persekolahan Umum dan Khusus berdasarkan kategori B.63, B.12 serta Bantuan Persekolahan 'One-Off' (B.11); dan
- (b) perincian mengikut setiap tahun 2013 sehingga 2017, kaum, jenis sekolah bagi rendah dan menengah serta kumpulan isi rumah berbanding dengan sasaran bagi bantuan yang disediakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bil	Jenis Bantuan	Bilangan Penerima			Catatan
		2015	2016	sehingga 30 Jun 2017	
BANTUAN PERSEKOLAHAN (B 63)					
1	Bantuan Geran Per Kapita (PCG)	4,962,053	4,878,919	4,841,180	
2	Bantuan Geran Per Kapita Prasekolah (PCG)	201,546	200,110	204,681	

	Pra)				
3	Bantuan Makanan Prasekolah (BMP)	201,546	200,110	204,681	
4	Bantuan Kokurikulum Prasekolah (BKPP)	201,546	200,110	204,681	Pada tahun 2017, kelima-lima bantuan ini dirangkum dan dikenali sebagai Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP).
5	Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKKS)	4,962,053	4,878,919	4,841,180	
6	Bantuan Kokurikulum Asrama (BKKA)	351,480	357,926	353,140	
7	Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP)	4,921,505	4,872,489	4,818,005	
8	Bantuan Yuran Khas Sekolah (YKS)	4,962,053	4,878,919	4,841,180	
9	Bantuan Sukan Sekolah (BSS)	4,962,053	4,878,919	4,841,180	
10	Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK)	75,528	73,196	82,929	
11	Elaun Prauniversiti (EPU)	225	230	225	
12	Bantuan Makanan Asrama (BMA)	351,480	357,926	353,140	
13	Rancangan Makanan Tambahan (RMT)	733,538	728,523	709,909	RMT dan PS1M dirangkum menjadi RMT1M pada tahun 2017.
14	Program Susu 1Malaysia (PS1M)	1,367,746	822,435	757,010	
15	Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM)	351,480	357,926	353,140	
16	Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli Dan Penan (KEDAP)	3,121	3,121	3,200	
17	Projek Khas Murid Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP)	8,613	8,214	8,215	
18	Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform (BPS)	50,686	48,143	51,000	
19	Bantuan Jaket Keselamatan Murid (JKM)	2397	5,822	5,222	
Jumlah Penerima B.63		28,670,649	27,751,957	27,473,898	

BANTUAN PERSEKOLAHAN (B.12)					
20	Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin(KWAPM)	927,478	1,010,854	910,137	
Jumlah Penerima B.12		927,478	1,010,854	910,137	
BANTUAN PERSEKOLAHAN ONE-OFF (B.11)					
21	Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M)	5,075,893	3,135,187	3,049,647	
22	Kad Debit Siswa 1Malaysia (KADS1M)	180,361	184,078	125,146	Sebelum ini, KADS1M dikenali sebagai Baucar Buku 1Malaysia (BB1M).
Jumlah Penerima B.11		5,256,254	3,319,265	3,174,793	
BANTUAN PERSEKOLAHAN PFI II					
23	Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)	211,241	155,255	88,959	BKP dan BKPU dirangkum menjadi BKP pada tahun 2017. Peruntukan tahun 2017 menggunakan peruntukan PFI IIA.
24	Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU)				
25	Biasiswa Sukan (BS)	2,668	1,928	1,920	Peruntukan tahun 2017 menggunakan peruntukan PFI IIA.
Jumlah Penerima PFI ii		213,909	157,183	90,879	

RT37/529